



GOTONG ROYONG..... Sebahagian mahasiswa FKAL yang terbabit membersihkan kawasan Surau Al-Munawwarah Kampung Patau-Patau 1.

Jelajah Masjid program tanggungjawab sosial FKAL

NST 15.5.2019 7

LABUAN: Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mengadakan Program Tanggungjawab Korporat Sosial yang terakhir Ambang Ramadan bagi sesi 1/2019 di Surau Al-Munawwarah Kampung Patau-Patau 1, baru-baru ini.

Jelajah pertama telah dilaksanakan di Surau Syakirin Taman Mutiara Sungai Bedaun dan diteruskan dengan Masjid Jamek Kampung Layang-Layangan.

Program Tanggungjawab Korporat Sosial ini dianjurkan oleh Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dengan kerjasama lima Persatuan Mahasiswa Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan yang terdiri daripada Persatuan Mahasiswa Kewangan Islam, Persatuan Mahasiswa Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir, Persatuan Mahasiswa Kewangan Antarabangsa, Persatuan Mahasiswa Pemasaran Antarabangsa dan Persatuan Mahasiswa Ekonomi Antarabangsa



CENDERAMATA....Dr. Zaiton Osman (empat kiri) menyampaikan cenderamata kepada Ketua Kampung Patau-Patau 1, S Roslee Matusin sambil diperhatikan Dr. Suzillah Sidek (tiga kiri) dan Pemantau daripada Persatuan Mahasiswa Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Junisa Jumadi (kiri).

Turut terlibat Majlis Pengurusan Komuniti Kampung dan Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau.

Seramai 200 pelajar Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan yang terdiri

daripada kelima-lima kursus program FKAL yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) terlibat dalam Program Tanggungjawab Korporat Sosial

siri 1 2019.

Program Jelajah Masjid ini merupakan platform bagi warga FKAL untuk mendekati dan menyumbang kepada masyarakat setempat di Wilayah Persekutuan